

PENGGUNAAN PRODUK KESIHATAN SEMULAJADI YANG SELAMAT: PEMERHATAN AWAL DALAM KALANGAN PENDUDUK PERUMAHAN AWAM SRI KOTA, CHERAS

(Safe-Use of Natural Health Products: Preliminary Observation among Sri Kota Public Housing Community, Cheras)

WARDAH MUSTAFA DIN, ISZAN HANA KAHARUDIN*, RASYIDAH CHE SEMAN, NORFAZILAH AHMAD, IDAYU BADILLA IDRIS, AZIMATUN NOOR AIZUDDIN, ROSZITA IBRAHIM, MOHD RIZAM ABDUL RAHMAN, SAZMAN WAHAB & QISTINA MOHD GHAZALI

ABSTRAK

Pasca pandemik penggunaan produk kesihatan semulajadi semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia, dan juga di Malaysia. Terdapat beberapa tujuan penggunaan produk kesihatan berasaskan bahan semulajadi oleh pengguna iaitu untuk merawat penyakit, mengawal simptom penyakit, mencegah penyakit dan untuk kesihatan umum. Seringkali penggunaan produk kesihatan semulajadi ini merupakan keputusan peribadi pengguna, dan sukar dipantau. Justeru itu, penggunaan produk kesihatan semulajadi yang selamat merupakan satu aspek yang penting untuk ditangani. Kesedaran dan pengetahuan pengguna perlu dipertingkatkan supaya keselamatan pengguna dapat dijaga. Kajian ini merupakan pemerhatian awal di Perumahan Awam Sri Kota, Cheras, dimana seramai 32 orang penduduk ditemubual secara ringkas untuk mendapatkan maklumat awal berkaitan penggunaan produk kesihatan semulajadi yang selamat. Terdapat lima (5) soalan ringkas ditanya untuk mendapatkan maklumat mengenai i) elemen produk yang disemak sebelum membuat pembelian produk, ii) individu yang dirujuk dalam penggunaan produk, iii) Faktor pemilihan/penggunaan produk, iv) logo yang dilihat pada produk dan v) pendaftaran produk melalui Quest 3+. Daripada kelima-lima soalan ini, didapati bahawa majoriti ahli komuniti yang ditemubual di Perumahan Awan Sri Kota, Cheras mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana rendah mengenai penggunaan produk kesihatan yang selamat. Oleh yang demikian, inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai penggunaan produk kesihatan yang selamat perlu dipergiat melalui pelbagai pendekatan agar masyarakat menjadi pengguna produk kesihatan yang bermaklumat dan selamat.

Kata Kunci: Produk kesihatan semulajadi; Penggunaan produk selamat; Komuniti; Pengguna.

ABSTRACT

Post-pandemic, usage of natural health products rises among global consumer, and also in Malaysia. There are myriad of reasons for usage of these natural health products which is to treat illness, control illness symptoms, prevention of illness and for general well-being. Usually, usage of these products is self-prescribed and non-monitored. Hence, safe-use of natural health products is an important aspect to be discoursed. Knowledge and awareness of consumers should be

increased to protect consumers' safety. This study is a preliminary observation in a residence of Perumahan Awam Sri Kota, Cheras, whereby 32 individuals in the community was interviewed briefly to collect preliminary data of safe-use of natural health products. Five (5) questions are being asked; i) elements of the product that is checked before purchase, ii) individuals referred to for usage, iii) factors of products preference, iv) logo of the product and v) registration of product via Quest 3+. From all of the responses, findings highlight that knowledge of consumers about safe-use of natural health products are between low to intermediate. Therefore, initiatives to increase the awareness and knowledge for safe-use of natural health products should be amplified through different approaches from different stakeholders.

Keywords: Natural health products; Safe-use; Community; Consumer

PENGENALAN

Penggunaan produk kesihatan semulajadi dalam kalangan masyarakat semakin meningkat pasca pandemik Covid-19. Ini kerana masyarakat menjadi lebih cakna dengan kesihatan diri dan mengambil inisiatif tambahan untuk menjaga kesihatan diri menggunakan cara-cara alami dan semulajadi. Tren ini bukan sahaja dilihat di Malaysia, malah menjadi tren di pelbagai negara yang lain (Alotiby & Al-Harbi 2021; Hui 2019a; Hui 2019b) termasuk di dalam penggunaan produk untuk kecantikan (Lee & Kwon 2022). Ini juga dapat dicerap melalui statistik pendaftaran produk kesihatan semulajadi yang tinggi di Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), dimana 42% (n=627) produk yang didaftarkan pada tahun 2021 merupakan produk kesihatan semulajadi (Laporan Tahunan NPRA 2021). Kategori produk yang mempunyai sampel diuji paling tinggi juga merupakan sampel produk semulajadi, dimana pengujian diperlukan di peringkat pendaftaran, pengawasan kualiti, aduan. Menurut Laporan Tahunan NPRA juga, sebanyak 9% produk kesihatan semulajadi yang dihantar untuk pengujian dikesan mengandungi bahan campur palsu (Laporan Tahunan NPRA 2021).

Terdapat beberapa tujuan penggunaan produk kesihatan semulajadi ini termasuk untuk merawat penyakit, mengawal simptom penyakit, mencegah penyakit serta untuk penjagaan kesihatan secara umum (Welz 2018). Seringkali, penggunaan produk kesihatan semulajadi ini merupakan keputusan peribadi dan tidak dipreskripsi oleh pegawai perubatan. Acapkali juga penggunaan produk kesihatan semulajadi ini tidak dirujuk kepada mana-mana pegawai perubatan atau ahli farmasi sebelum pengguna menggunakannya (Islahudin, Shahdan & Mohamad-Samuri 2017). Ini melahirkan risiko yang besar kepada pengguna sekiranya produk yang mereka pilih, beli dan guna itu tidak menepati kriteria produk yang selamat untuk digunakan, termasuk produk-produk yang dicampur palsu.

Penggunaan produk kesihatan semulajadi yang selamat sangat penting untuk menjadi salah satu aspek pendidikan masyarakat supaya pengetahuan dan kesedaran masyarakat dapat dipertingkatkan. Ahli komuniti perlu diperkasa supaya keputusan mereka menggunakan produk kesihatan semulajadi merupakan satu pilihan yang bermaklumat (*informed choice*). Antara elemen penggunaan produk kesihatan yang selamat yang digariskan di dalam garis panduan di Malaysia adalah memastikan produk kesihatan tersebut berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mempunyai nombor pendaftaran MAL. Walaubagaimanapun, panduan ini perlu mengambil kira banyak lagi item yang lain dan perlu dipromosikan lagi kepada komuniti supaya

masyarakat tahu dan sedar kewujudan garis panduan ini. Selain itu, maklumat ini juga perlu distrukturkan menjadi satu panduan pengguna yang ringkas dan mudah difahami.

Satu tinjauan awal telah dibuat di sebuah perumahan awam untuk menilai tahap pengetahuan dan kesedaran komuniti mengenai penggunaan produk kesihatan semulajadi yang selamat. Tinjauan awal berkenaan penggunaan produk kesihatan yang selamat ini merupakan salah satu usaha di dalam Projek Kesihatan Komprehensif di bawah Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tinjauan awal ini boleh memberikan pemerhatian awal keadaan komuniti di lokasi yang telah dipilih, dan penting untuk merancang kajian dan inisiatif seterusnya untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap penggunaan produk kesihatan semulajadi yang selamat. Objektif tinjauan awal ini adalah untuk:

- i) Mengenalpasti tahap kesedaran dan pengetahuan komuniti terhadap penggunaan produk kesihatan semulajadi yang selamat
- ii) Mendedahkan pelajar prasiswazah dengan ahli komuniti melalui inisiatif SULAM UKM

METODOLOGI

Latar Belakang Projek

Kajian tinjauan awal ini merupakan salah satu projek SULAM UKM yang dilaksanakan di sebuah lokasi terpilih iaitu Perumahan Awam Sri Kota, Cheras, Kuala Lumpur. Projek dengan tema Kesihatan Komprehensif dilaksanakan selama dua tahun, dan melibatkan beberapa kursus di UKM yang dipilih. Tinjauan awal dibuat di dalam satu program yang dianjurkan oleh SULAM UKM dengan kerjasama Persatuan Penduduk Perumahan Awam Sri Kota pada 12 Jun 2022. Kawasan perumahan awam ini menempatkan majoriti penghuni berpendapatan isi rumah kategori B40. elajar kursus LMCR1572 Manfaat dan Risiko Produk Hasil Semulajadi terlibat dalam membuat pengumpulan data preliminari berdasarkan soalan temubual ringkas yang disediakan kepada pengunjung program pada 12 Jun 2022.

Pengumpulan Data

Data tinjauan awal dikumpulkn secara kuantitatif melalui temubual ringkas berdasarkan kepada soalan yang telah disediakan. Kaedah ini digunapakai untuk membuat eksplorasi awal mengenai penggunaan produk kesihatan yang selamat dalam kalangan penduduk Perumahan Awam Sri Kota. Responden dipilih secara rawak dalam kalangan penduduk Perumahan Awam Sri Kota yang hadir ke program kesihatan yang dianjurkan. Seramai 32 orang responden telah ditemubual, dan maklumbalas direkodkan. Semua responden merupakan penduduk di Perumahan Awam Sri Kota, dan merupakan pengunjung kepada Program komuniti yang dianjurkan pada 12 Jun 2022. Jawapan daripada responden telah dicatatkan dan digunakan sebagai hasil dapatan preliminari.

Terdapat lima (5) soalan yang ditanyakan kepada responden iaitu i) elemen produk yang disemak sebelum membuat pembelian produk, ii) individu yang dirujuk dalam penggunaan produk, iii) faktor pemilihan/penggunaan produk, iv) logo yang dilihat pada produk dan v) pendaftaran produk melalui Quest 3+. Maklumbalas responden berbeza kerana soalan merupakan soalan terbuka, namun responden dipastikan memberikan jawapan kepada soalan tersebut dengan ringkas.

Analisis Data

Data daripada temubual ringkas yang telah dibuat berdasarkan soalan yang ditanyakan direkodkan di dalam Atlas.Ti Ver.22 dan disusun mengikut kategori dan tema bagi setiap soalan. Kategori jawapan disusun seperti di dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Kategori jawapan untuk setiap soalan

Bil	Soalan	Kategori jawapan	Catatan
1	Elemen produk yang disemak sebelum membuat pembelian produk	Terbuka	Elemen yang disebut disenaraikan
2	Individu yang dirujuk dalam penggunaan produk	Terbuka	Individu yang disebut disenaraikan
3	Faktor pemilihan/penggunaan produk	Terbuka	Faktor pemilihan disenaraikan
4	Logo yang dilihat pada produk	Terbuka	Logo yang disebut disenaraikan
5	Penggunaan laman sesawang Quest 3+ untuk menyemak pendaftaran produk	Tertutup	Pilihan jawapan Ya/Tidak

Melalui hasil analisis untuk kelima-lima soalan ini, pengetahuan dan kesedaran dikategorikan kepada tinggi, rendah dan sederhana bergantung kepada ketepatan jawapan untuk kelima-lima soalan. Pengetahuan dan kesedaran diklasifikasikan sebagai tinggi untuk responden yang memberikan jawapan tepat kepada 4-5 soalan, sederhana untuk jawapan tepat kepada 3 soalan, dan rendah untuk jawapan tepat kepada 1-2 soalan sahaja.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Tinjauan awal kajian telah dibuat kepada penduduk Perumahan Awam Sri Kota, Cheras yang menghadiri satu program kesihatan anjuran SULAM UKM pada 12 Jun 2022. Walaupun ramai penduduk yang hadir, namun tidak semua bersetuju untuk menjawab soalan yang telah disediakan. Hanya penduduk yang bersetuju sahaja yang telah dilibatkan di dalam tinjauan awal ini (n=32 orang). Jadual 2 menerangkan demografi responden kajian yang terlibat.

JADUAL 2. Demografi responden

Bil	Perkara	Bilangan (n)	
1	Jantina	Lelaki	10
		Perempuan	22
2	Umur	Warga emas (>60 tahun)	9
		Dewasa (41-59 tahun)	13
		Belia (18-40 tahun)	7
		Tiada maklumat	3
		Tiada penyakit	20
3	Penyakit	Ada penyakit	12

Responden untuk tinjauan awal ini melibatkan lebih ramai perempuan (n=22) berbanding lelaki (n=10) lebih kurang sekali ganda. Dari aspek umur pula, responden majoriti adalah dewasa

berumur antara 36 hingga 59 tahun. Definisi umur yang digunakan di dalam kajian ini adalah mengikut definisi yang digariskan oleh Dasar Warga Emas Negara dan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, dimana belia dikategorikan individu berumur 18 hingga 40 tahun, dan warga emas adalah individu yang berumur 60 tahun ke atas.

Selain itu, ciri responden yang direkodkan adalah status kesihatan iaitu mempunyai penyakit ataupun tidak. Di dalam kajian ini, berpenyakit bermaksud apa-apa penyakit hidapan sama ada kronik ataupun tidak. Tidak berpenyakit bermaksud tidak langsung menghidap apa-apa penyakit dan dalam keadaan yang sihat. Di dalam tinjauan awal ini, didapati lebih ramai responden tiada penyakit (n=20) berbanding yang mempunyai penyakit (n=12). Menurut kajian Rameli, Ramli & Salleh (2019), kawasan perumahan memberikan kesan terhadap dimensi kualitatif kesihatan komuniti, dimana perumahan awam yang kurang ruang dan padat pembangunannya gagal menyediakan perumahan yang kondusif untuk keadaan kesihatan fizikal, mental dan emosi. Walaupun daripada responden tinjauan awal ini, didapati lebih ramai yang tiada penyakit, namun ada kemungkinan persampelan bias kerana hanya mereka yang sihat sahaja yang dapat menghadirkan diri ke program komuniti yang dianjurkan

Dari aspek jenis penyakit pula, penyakit yang direkodkan di dalam kajian pemerhatian awal ini adalah kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, asthma dan sakit saraf. Menurut Abidin, Saleh & Nayan (2014), kesemua penyakit di atas merupakan antara sebab-sebab utama kematian yang dikenalpasti sebagai salah satu indikator kesihatan penduduk bandar.

Penggunaan Produk Kesihatan yang Selamat

Tinjauan awal berkenaan pengetahuan dan kesedaran komuniti terhadap penggunaan produk kesihatan yang selamat dilihat daripada maklumbalas temubual ringkas terhadap lima soalan yang ditanya kepada penduduk. Lima soalan tersebut merangkumi lima elemen penggunaan produk kesihatan yang selamat yang telah dikenalpasti melalui pelbagai garis panduan pengguna dan kajian yang sedia ada. Analisis item jawapan adalah seperti Jadual 3 berikut:

JADUAL 3. Analisis elemen penggunaan produk kesihatan yang selamat

Bil	Elemen yang dinilai	Item jawapan	Bilangan sebutan (n)*
1	Elemen produk yang disemak sebelum membuat pembelian produk	Kandungan produk	12
		Tidak membuat apa-apa semakan**	9
		Tarikh luput	7
		Pendaftaran KKM	4
		Logo Halal	3
		Jenama produk	1
2	Individu/tempat rujukan dalam penggunaan produk	Ahli farmasi	14
		Ahli keluarga	13
		Doktor	8
		Rakan-rakan**	6
		Laman sesawang**	5
Agen/jurujual**	2		
3	Faktor pemilihan/penggunaan produk	Saranan rakan/ahli keluarga**	9
		Saranan doktor/ahli farmasi	5
		Kualiti produk	4
		Pengeluar produk yang diyakini	3

		Bahan kandungan produk	3
		Pendaftaran KKM	3
		Testimoni pengguna lain/keberkesanan produk **	3
		Harga produk**	2
		Pengaruh iklan di TV/media sosial**	2
4	Logo yang dilihat pada produk	KKM (Halogram, MAL number)	16
		Halal	16
		Sirim	2
		Buatan Malaysia**	2
		Tidak lihat/tidak kisah**	3
5	Penggunaan laman sesawang Quest 3+ untuk menyemak pendaftaran produk	Ya	10
		Tidak**	22

*responden dibenarkan menyebut lebih daripada satu item

**item bertulisan tebal dikategorikan sebagai jawapan tidak tepat kerana tidak menjamin penggunaan produk yang selamat

Melalui hasil analisis untuk kelima-lima soalan ini, pengetahuan penduduk pula dikategorikan kepada tinggi, rendah dan sederhana bergantung kepada ketepatan jawapan untuk kelima-lima soalan. Pengetahuan dan kesedaran diklasifikasikan sebagai tinggi untuk responden yang memberikan jawapan tepat kepada 4-5 soalan, sederhana untuk jawapan tepat kepada 3 soalan, dan rendah untuk jawapan tepat kepada 1-2 soalan sahaja. Item yang bertulisan tebal dengan tanda ** dianggap jawapan yang tidak tepat kerana jawapan tersebut tidak menjamin penggunaan produk kesihatan yang selamat. Responden dikira menjawab tepat sekiranya menyebut walaupun satu item yang tepat untuk menjawab soalan. Analisis ini adalah tinjauan awal, dan hanya digunakan sebagai rujukan untuk kajian ini sahaja, serta tidak boleh digeneralisasi untuk populasi penduduk di Perumahan Awam Sri Kota amhupun di lokasi yang berbeza. Berikut hasil dapatan kategori tahap pengetahuan penduduk (Jadual 4):

JADUAL 4. Tahap pengetahuan responden terhadap penggunaan produk kesihatan yang selamat

Bil	Tahap	Ketepatan menjawab soalan	Bilangan Responden (n)
1	Tinggi	5/5	1
		4/5	6
2	Sederhana	3/5	10
3	Rendah	2/5	5
		1/5	6
		0/5	3

Bahagian Regulatori Farmasi Kebangsaan (NPRA) menggariskan beberapa panduan untuk pengguna dalam pengamalan produk herba dan tradisional iaitu:

- Membaca label atau risalah pada bekas produk.
- Sentiasa mematuhi arahan mengenai cara pengambilan ubat atau produk yang selamat seperti yang disarankan.
- Merujuk doktor yang bertauliah untuk memeriksa sama ada ubat dengan preskripsi dan herba tersebut boleh diambil bersama-sama.
- Maklumkan kepada doktor anda jika sedang mengambil sebarang produk herba atau homeopati untuk mengelakkan kesan sampingan akibat interaksi herba-ubat.
- Segera berjumpa doktor jika terdapat sebarang kesan sampingan akibat interaksi herba-ubat.

- Pengguna seharusnya berhenti mengambil sebarang produk PT&K apabila terdapat sebarang kesan sampingan dan melaporkan kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), KKM melalui laman sesawang (<http://www.npra.gov.my>).

Daripada tinjauan awal temubual ringkas penduduk ini, diperhatikan bahawa masih terdapat pengguna yang tidak langsung membuat apa-apa semakan produk sebelum membeli atau menggunakan sesuatu produk. Perkara ini merupakan satu amalan yang mempunyai risiko keselamatan kepada pengguna, dan menunjukkan tahap kesedaran pengguna terhadap penggunaan produk kesihatan yang rendah. Menurut kajian Islahudin, Shahdan & Mohamad-Samuri (2017), penggunaan produk kesihatan herba bergantung kepada sikap dan kepercayaan pengguna kepada produk tersebut. Ini mempunyai risiko kepada pengguna terutamanya sekiranya mereka percaya kepada sesuatu produk kesihatan semulajadi tanpa mempunyai apa-apa ilmu pengetahuan terhadap produk tersebut.

Masalah ini lebih meruncing sekiranya pengguna merupakan pesakit penyakit kronik seperti kencing manis, sakit jantung dan pengguna ubat preskripsi yang lain. Kajian yang dibuat oleh Neczyk & Zubach-Cassano (2017) menunjukkan terdapat risiko penggunaan produk herba kepada pesakit kencing manis. Selain itu, pesakit jantung yang dipreskripsikan ubat 'warfarin' sangat memerlukan pantauan rapi mengenai penggunaan produk herba kerana menjadi risiko pencairan darah berlebihan (Izzo et al. 2016).

Selain itu, individu atau tempat rujukan dalam penggunaan produk juga merupakan sesuatu yang sangat penting dalam memastikan keselamatan pengguna. Mengikut tinjauan awal ini, masih ramai pengguna yang merujuk kepada ahli keluarga (n=13), rakan-rakan (n=6), lawan sesawang (n=5) dan agen jurujual (n=2), sedangkan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan, individu yang wajar dirujuk dalam penggunaan produk kesihatan adalah pegawai perubatan atau ahli farmasi yang bertauliah. Kajian Guzman et al. (2019) mendapati bahawa pengguna/pesakit tidak merasakan merujuk doktor itu penting dalam penggunaan ubatan alternatif termasuk suplemen dan produk kesihatan semulajadi.

Lebih membimbangkan, tinjauan ini menunjukkan bahawa lebih responden yang menggunakan atau membeli sesuatu produk kesihatan semulajadi atas faktor saranan rakan-rakan atau ahli keluarga. Risiko yang tinggi dihadapi pengguna sekiranya hanya merujuk saranan tersebut tanpa membuat apa-apa semakan lanjut atau merujuk pihak yang sesuai sebelum membuat keputusan. Walaubagaimanapun, tinjauan awal ini selari dengan hasil dapatan kajian James et al. (2018) yang juga menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi penggunaan produk herba dan alternatif dalam kalangan wanita di Sierra Leone adalah atas saranan ahli keluarga dan rakan terdekat.

Dari aspek semakan logo pula, di dapati bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai pendaftaran produk kerana ramai yang melihat kepada halogram KKM dan nombor pendaftaran produk MAL pada kotak produk sebelum membuat pembelian. Selain itu, responden juga melihat kepada logo Halal daripada Jabatan Kamajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dapatan ini sama dengan kajian yang dibuat dalam kalangan penduduk di Malaysia, Singapura dan Indonesia oleh Septiarini et al. (2022), yang menunjukkan bahawa pengguna mengaitkan logo halal dengan keselamatan, kebersihan dan kualiti dan ini meningkatkan kepercayaan mereka terhadap sesuatu produk.

Dalam panduan pengguna, pengguna diminta menyemak pendaftaran sesuatu produk di laman sesawang Quest 3+ bagi memastikan produk kesihatan semulajadi tersebut betul-betul berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Tinjauan awal kami mendapati bahawa masih

ramai pengguna yang tidak mengetahui kewujudan laman sesawang tersebut dan masih belum membuat semakan produk sebelum membeli dan menggunakan produk (n=22). Banyak usaha promosi dan pendidikan masyarakat perlu dibuat supaya pengguna mempunyai pengetahuan yang tepat dan mengamalkan langkah-langkah yang tepat dalam pemilihan produk kesihatan semulajadi.

KESIMPULAN

Memastikan produk yang digunakan berdaftar dengan KKM merupakan salah satu elemen penggunaan produk kesihatan semulajadi yang utama. Pendaftaran dengan KKM memastikan produk tersebut terjamin dari aspek keselamatan, kualiti dan keberkesannya. Tinjauan awal ini mendapati bahawa keadaan pengetahuan dan kesedaran responden berada pada tahap sederhana rendah, dan masih terdapat elemen-elemen penggunaan produk kesihatan yang selamat yang masih belum diketahui oleh mereka. Sehubungan dengan itu, inisiatif pendidikan masyarakat dan advokasi kesihatan ini wajar diteruskan dalam kalangan komuniti di Malaysia. Salah satu cara yang boleh dibuat adalah program-program kesedaran komuniti dengan kerjasama Persatuan Penduduk dan badan-badan lokaliti setempat.

PENGHARGAAN

Program ini disokong oleh Projek SULAM@UKM 2021 (CH-H-FFF1001-00-1002003). Sekalung penghargaan kepada Pengerusi dan ahli jawatankuasa Persatuan Penduduk Perumahan Awam Sri Kota Cheras dan Jabatan Farmasi Hospital Serdang. Jutaan penghargaan buat semua peserta program yang meluangkan masa bersama urus setia dan fasilitator dalam Pameran Pengguna Bijak & Sihat daripada pelajar-pelajar kursus LMCR1572 Manfaat & Risiko Produk Hasil Semulajadi.

RUJUKAN

- Abidin, M.A.Z., Saleh, Y. & Nayan, N. 2014. Pembentukan indikator kesihatan penduduk bandar dalam wilayah metropolitan Lembah Klang-Langat. *Geografi* 2(2): 96-114.
- Alotiby, A. A., & Al-Harbi, L. N. 2021. Prevalence of using herbs and natural products as a protective measure during the COVID-19 pandemic among the Saudi population: an online cross-sectional survey. *Saudi Pharmaceutical Journal* 29(5): 410-417.
- Guzman, J.R., Paterniti, D.A., Liu, Y. & Tarn, D.M. 2019. Factors related to disclosure and nondisclosure of dietary supplements in primary care, integrative medicine, and naturopathic medicine. *Journal of Family Medicine and Disease Prevention* 5(4).
- Hui, S.T. 2019a. What the Rise of Health-Conscious Consumers Means for Health Supplements in Malaysia. Retrieved from <https://janio.asia/sea/malaysia/health-beauty-rise-health-consciousness-my/>. (accessed September 9, 2022).
- Hui, S. T. 2019b. Health Supplement Trends in Southeast Asia and How Cross-border eCommerce Plays a Role. Retrieved from <https://janio.asia/sea/health-supplement-trends-in-southeast-asia-and-how-cross-border-ecommerce-plays-a-role/>. (accessed September 9, 2022).

- Islahudin, F., Shahdan, I. A., & Mohamad-Samuri, S. 2017. Association between belief and attitude toward preference of complementary alternative medicine use. *Patient Preference and Adherence* 11: 913.
- Izzo, A. A., Hoon - Kim, S., Radhakrishnan, R., & Williamson, E. M. 2016. A critical approach to evaluating clinical efficacy, adverse events and drug interactions of herbal remedies. *Phytotherapy Research* 30(5): 691-700.
- James, P.B., Taidy-Leigh, L., Bah, A.J., Kanu, J.S., Kangbai, J.B. & Sevalie, S. 2018. Prevalence and correlates of herbal medicine use among women seeking Care for Infertility in Freetown, Sierra Leone. *Evidence-Based Complementary and Alternative Medicine*. Vol. 2018, Article ID 9493807, 11 pages. <https://doi.org/10.1155/2018/9493807>.
- Lee, J. & Kwon, K.H., 2022. Sustainable changes in beauty market trends focused on the perspective of safety in the post - coronavirus disease - 19 period. *Journal of Cosmetic Dermatology* 21(7):2700-2707.
- Laporan Tahunan NPRA, 2021. <https://npra.gov.my/index.php/en/informationen/annual-reports/npra-annual-reports.html>. (accessed September 8, 2022).
- Necyk, C., & Zubach-Cassano, L. 2017. Natural health products and diabetes: A practical review. *Canadian Journal of Diabetes* 41(6): 642-647.
- Rameli, N., Ramli, F. & Salleh, D., 2019. Urbanization and Quality of Life: A Comprehensive Literature. *Journal of Social Transformation and Regional Development* 1(2): 24-32.
- Septiarini, D. F., Ratnasari, R. T., Salleh, M. C. M., & Herianingrum, S. 2022. Drivers of behavioral intention among non-Muslims toward halal cosmetics: evidence from Indonesia, Malaysia, and Singapore. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Welz, A.N., Emberger-Klein, A. & Menrad, K. 2018. Why people use herbal medicine: insights from a focus-group study in Germany. *BMC Complementary and Alternative Medicine* 18(1): 1-9

WARDAH MUSTAFA DIN
 Pusat Pengajian Citra Universiti,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43650 UKM Bangi, Selangor.

ISZAN HANA KAHARUDIN*
 Pusat Pengajian Citra Universiti,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43650 UKM Bangi, Selangor.

RASYIDAH CHE SEMAN
 Jabatan Farmasi, Hospital Serdang,
 Jalan Puchong, 43000 Kajang, Selangor.

NORFAZILAH AHMAD
 Jabatan Kesihatan Masyarakat,
 Fakulti Perubatan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia
norfazilah@ppukm.ukm.edu.my

IDAYU BADILLA IDRIS
Jabatan Kesihatan Masyarakat,
Fakulti Perubatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
dr_idayu@ppukm.ukm.edu.my

AZIMATUN NOOR AIZUDDIN
Jabatan Kesihatan Masyarakat,
Fakulti Perubatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
azimatunnoor@ppukm.ukm.edu.my

ROSZITA IBRAHIM
Jabatan Kesihatan Masyarakat,
Fakulti Perubatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
roszita@ppukm.ukm.edu.my

MOHD RIZAM ABDUL RAHMAN
Jabatan Kesihatan Masyarakat,
Fakulti Perubatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
rizam@ppukm.ukm.edu.my

SAZMAN WAHAB
Jabatan Kesihatan Masyarakat,
Fakulti Perubatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
sazman@ppukm.ukm.edu.my

QISTINA MOHD GHAZALI
Jabatan Kesihatan Masyarakat,
Fakulti Perubatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Pengarang untuk surat menyurat: iszanhana@ukm.edu.my

Received: 23 September 2022 / Accepted: 11 October 2022 / Published: 9 December 2022